

Commitment towards Outdoor and Risky Activities Safety in Education

Komitmen Terhadap Keselamatan Aktiviti Luar Dan Berisiko dalam Pendidikan

Noorasikin Ismail, Zainal Abidin Zainuddin, Halijah Ibrahim*

School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, UTM, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: p-halija@utm.my

Abstract

Safety is an important element in carrying out all outdoor and risky activities. Certainly this activity is vulnerable to security issues whether before, during or after an activity is implemented. Various important aspects need to be taken into account when conducting outdoor and risky activities to ensure an accident that can be avoided and safe from incidents which may cause direct or indirect injury. The objective of this study is to look at the safety commitment among administrators and implementers in terms of level of knowledge, competence and safety practices of outdoor and risk activities. This study uses questionnaires and open-ended questions to administrators comprising management and implementing groups randomly. The findings show that the percentage of knowledge is very high, 93.8% is directed to not accepting specific safety-related training is 53.1% and uncertain to receive 37.5% specific safety-related training. The existence of the function of the Occupational Safety and Health Management system also noted that 71.0% of the respondents did not and were unsure, but only 6.1% of the respondents recorded uncertain how to deal with the risks during the activity. Respondent's competence to qualified and qualified assignments is a high percentage. Based on commitment and safety practices, the high percentages of respondents provide positive feedback on safety commitments and the need for safe situations during their activities in accordance with Safety Theory Dan Petersen (1982). This scenario demonstrates an effort towards strengthening the existing standard operating procedures (SOP) of outsourced and risky activities plus a risk management element is essential.

Keywords: Safety, outsourcing and risk, standard operating procedures, risk management

Abstrak

Keselamatan merupakan elemen penting semasa menjalankan semua aktiviti luar dan berisiko. Pasti aktiviti sebegini terdedah kepada isu keselamatan samada sebelum, semasa atau selepas sesuatu aktiviti dilaksanakan. Pelbagai aspek penting perlu dititikberatkan semasa melaksanakan aktiviti luar dan berisiko untuk menjamin kemalangan yang boleh dielakkan dan selamat daripada insiden yang boleh menyebabkan kecederaan langsung atau tidak langsung. Objektif kajian ini adalah untuk menilai komitmen keselamatan dalam kalangan pentadbir dan pelaksana dari aspek tahap pengetahuan, kompetensi dan amalan keselamatan aktiviti luar dan berisiko. Kajian ini menggunakan soal selidik dan soalan terbuka secara dalam talian terhadap pentadbir yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan pelaksana secara rawak. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan sangat tinggi peratusannya iaitu 93.8% terarah kepada tidak menerima iaitu 53.1% dan tidak pasti menerima 37.5% latihan khusus berkaitan keselamatan. Kewujudan fungsi sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan juga mencatatkan tidak dan tidak pasti sebanyak 71.0% oleh responden. Walau bagaimanapun, hanya 6.1% responden mencatatkan tidak pasti bagaimana menangani risiko semasa menjalankan aktiviti tersebut. Kompeten responden terhadap tugas berdasarkan kelayakan dan bertauliah adalah tinggi peratusannya. Berdasarkan komitmen dan amalan keselamatan pula menunjukkan peratusan tinggi responden memberi maklum balas positif terhadap komitmen keselamatan dan perlunya situasi selamat semasa beraktiviti berpanduan *Dan Petersen Safety Theory* (1982). Senario ini menunjukkan satu usaha ke arah memantapkan prosedur standard operasi (SOP) aktiviti luar dan berisiko yang sedia ada ditambah elemen pengurusan risiko yang sangat perlu dihasilkan.

Kata kunci: Keselamatan, aktiviti luar dan berisiko, prosedur standard operasi, pengurusan risiko

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Aktiviti luar dan berisiko sebenarnya adalah antara aktiviti yang termaktub dalam sistem pendidikan Malaysia di dalam aktiviti kokurikulum yang merupakan bahagian utamanya kegiatan pendidikan di sekolah terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu kurikulum dan kokurikulum (Laporan Razak, 1956). Peraturan-peraturan Sekolah 1956 yang digubal mengandungi dasar berkaitan pelaksanaan program kokurikulum dan sukan di sekolah. Kokurikulum dan sukan saling lengkap melengkapi antara kurikulum dan kokurikulum bertujuan memperkembangkan tahap kognitif, afektif dan psikomotor murid bagi mencapai matlamat pendidikan yang terancang dan sempurna (Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991).

Kegiatan kokurikulum diperuntukkan secara rasminya di bawah Akta Pendidikan 1961. Sejumlah waktu diperuntukkan di dalam peraturan ini untuk aktiviti kokurikulum yang dikenali sebagai 'kegiatan kumpulan' dan kemudiannya disebut sebagai aktiviti *extra-kurikulum*. Menyedari kepentingan aktiviti sebegini untuk menyemai nilai-nilai positif dan sosial yang seimbang dalam diri murid, maka para pendidik telah berusaha mengubah pandangan umum dengan meletakkannya pada taraf yang sama dengan pendidikan lain. Program yang selama ini dianggap tambahan (*extra*), akhirnya diterima sebagai kokurikulum (GERKO) atau kegiatan luar. Jadual 1 menunjukkan peruntukan masa aktiviti kokurikulum di sekolah menengah tingkatan/kelas.

Jadual 1 Peruntukan masa aktiviti kokurikulum di sekolah menengah tingkatan/kelas

	Aliran	Masa
Tingkatan peralihan, 1,2,3 dan 6	Biasa	180 minit seminggu
Tingkatan 4 dan 5	Sastera/ perdagangan/SRT	180 minit seminggu
Tingkatan 4 dan 5	Sains/Pertanian	140 minit seminggu
Tingkatan 4 dan 5	Teknik	100 minit seminggu

Sumber: Warta Kerajaan, 1967 Jld.11/Bil.27, Hal 5652

Kegiatan kokurikulum secara tidak langsungnya menuntut pengiktirafan supaya ia dirancang, diurus dan dilaksanakan secara sistematik, cekap dan berkesan seperti proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Langkah ini adalah untuk memastikan ianya dilaksanakan sejajar dengan matlamat dan objektif pendidikan melalui kegiatan luar yang menegaskan;

"...kegiatan kokurikulum sekolah adalah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu pasukan pakaian seragam, kelab dan persatuan dan sukan. Kegiatan kokurikulum yang dijalankan di luar bilik darjah adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan di antara murid-murid, sikap bertanggungjawab berdidiplin, berdikari dan berkemahiran dala satu-satu bidang yang mereka sertai..."

Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Pendidikan 1979:91

Perubahan demi perubahan terhadap dasar dan ketetapan yang sama sehinggalah pada tahun 1999, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Dato' Dr. Abdul Shukor bin Abdullah telah menegaskan bahawa:

"Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat keputusan dan menetapkan bahawa dasar dan syarat pemilihan murid ke tingkatan satu di sekolah berasrama penuh bermula kemasukan tahun 2000, memberi penekanan utama kepada penglibatan dan pencapaian murid dalam aspek kepimpinan, sukan dan kokurikulum di samping mengekalkan syarat kecemerlangan akademik"

(Surat KP (BS) 8575-196 Jld. IV(26) bertarikh 2 Jun 1999).

Seterusnya dalam Bab 5.33 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) menegaskan fakta dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) iaitu dengan memperakukan kepentingan kegiatan kokurikulum dan sukan pada semua peringkat persekolahan. Semua murid diwajibkan mengambil bahagian sekurang-kurangnya satu kelab atau persatuan mata pendidikan/gabungan, pasukan unit beruniform dan aktiviti permainan dan sukan. Rajah 1 menunjukkan dasar pelaksanaan kokurikulum di Malaysia.



Rajah 1 Dasar Pelaksanaan Kokurikulum di Malaysia (BSSK, KPM 2009)

Antara langkah untuk memantapkan program kurikulum ialah pada tahun 2005 memutuskan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum menyumbang sebanyak 10 peratus kepada syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah menengah teknik (SMT). Memorandum ini juga turut mencadangkan penerusan wajaran 10 peratus merit

kokurikulum bagi pemilihan guru pelatih untuk kursus perguruan lepasan ijazah (KPLI), program ijazah sarjana muda perguruan (PISMP) serta untuk memasuki kolej matrikulasi.

Berdasarkan sub peraturan 3 (1) dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 pula menegaskan bahawa;

- a. Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum kebangsaan;
- b. Kokurikulum adalah aktiviti kependidikan yang perlu dilaksanakan secara terancang dan berkesan seperti juga aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lain.
- c. Aktiviti kokurikulum mestilah dilaksanakan seperti aktiviti kurikulum yang merangkumi lima fasa iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan penambahbaikan.

Oleh yang demikian, walaupun kaedah pelaksanaan aktiviti atau program kokurikulum lebih berorientasikan pendekatan memperoleh ilmu pengetahuan, namun pengalaman dan kemahiran yang diperoleh melalui pengalaman atau membuat sendiri (*hands on*) dalam situasi sebenar perlulah dirancang dan dilaksanakan dengan berlandaskan suatu garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini adalah berkaitan pelaksanaan adalah wajib mementingkan faktor keselamatan.

Pelaksanaan pengurusan kokurikulum perlu diberi perhatian yang setara seperti kepimpinan kurikulum agar program dan aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan berkualiti, selamat dan dapat memberi manfaat kepada murid. Menurut Kenneth; Edward; Arthur; Betty (1996), tanggungjawab yang paling penting bagi pengurus adalah berupaya memberikan motivasi kepada semua guru agar dapat menjalankan tugas sebagai penggerak, pembimbing dan penyelia bagi aktiviti kokurikulum dan memperluaskan usaha mereka.

Menepati kehendak Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 01/1985 yang menekankan bahawa pengurus memainkan peranan utama dalam pengendalian dan pelaksanaan GERKO dengan mengamalkan dan menghayati konsep kepimpinan melalui teladan. Pengetua dan guru disarankan untuk menambah pengetahuan serta melengkapkan diri dengan kemahiran yang membolehkan mereka menjalankan tugas dalam pelaksanaan gerko dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, penyertaan guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah seperti yang dinyatakan dalam subperkara 5.2 dalam SPI Bil. 1/1985:

“...Di samping itu, guru-guru yang mengendalikan kegiatan kokurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya supaya mereka lebih giat lagi terutamanya dari segi penyeliaan kegiatan-kegiatan tersebut.”

Guru yang berkualiti dan cemerlang merupakan hasrat dan matlamat yang bakal dijelmakan apabila bertugas kelak. Oleh itu selari dengan hasrat Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), maka keperluan menyediakan bakal guru seharusnya dilengkapkan dari pelbagai sudut dan *holistic*. Guru sebagai pemimpin, fasilitator, juru pandu, penunjuk dan petunjuk perlulah menguasai pelbagai kompetensi daripada tunjang utama dalam aktiviti luar bilik darjah dan kokurikulum iaitu melalui *Hard skills*, *Soft skills* dan *Conceptual skills* iaitu, daripada tiga tunjang utama ini, lima kompetensi yang dinilai ialah Kompetensi Kepimpinan, Kompetensi Teknikal, *Kompetensi Pengurusan Risiko*, Kompetensi Keselamatan dan Pertolongan Cemas, dan Kompetensi Alam Sekitar.

■2.0 SOROTAN KAJIAN

Pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang kebanyakannya berbentuk aktiviti luar dan berisiko, aspek keselamatan amatlah perlu diutamakan. Keperluan pengetahuan, kemahiran serta kompetensi dalam aspek keselamatan amat penting. Sesuatu kejadian yang berlaku memang tidak boleh dijangka. Namun situasi ini bukan alasan untuk mengabaikan dan tidak mengetahui apatah lagi tidak memikirkan serta mempedulikan segala aspek yang berkaitan dengan keselamatan. Aktiviti luar bilik darjah dan berisiko yang melibatkan murid sekolah terutamanya telah banyak berlaku peristiwa tragis yang melibatkan kemalangan jiwa di Malaysia.

Masalah Keselamatan

Pengurus kokurikulum sangat perlu mengambil langkah-langkah keselamatan semasa menjalankan program di dalam atau di luar sekolah seperti yang telah dinyatakan dalam SPI Bil. 1/1995 bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Namun begitu, masih berlaku kejadian yang tidak diingini semasa aktiviti luar dan berisiko terutamanya dijalankan. Insiden pelajar dihempap palang gol, terlanggar tiang gol, terkena lontaran peluru dan terjatuh di dalam tangki najis adalah antara kemalangan yang berlaku telah membawa kepada kecederaan dan kemalangan jiwa. Berlakunya insiden sedemikian, menggambarkan bahawa pihak pengurusan kokurikulum sekolah telah mengabaikan aspek keselamatan yang sepatutnya sentiasa diberi perhatian dan keutamaan. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlu merujuk perkara yang perlu diambil tindakan semasa menjalankan program kokurikulum samada di dalam mahupun di luar sekolah (SPI 9/2000).

Masalah Sikap dan Kelayakan

Sikap dan kelayakan dalam kalangan pengendali dan penganjur aktiviti luar dan berisiko juga adalah antara faktor yang boleh dikaitkan dengan kekurangan guru yang berkemahiran dan mengambil mudah tidak menitikberatkan isu keselamatan semasa mengendalikan program kokurikulum. Mengendalikan program kokurikulum dengan menganggap aktiviti kokurikulum bukanlah sesuatu yang akademik adalah antara sikap yang ditunjukkan oleh guru, justeru kokurikulum tidak penting berbanding aktiviti kurikulum menjadi antara salah satu punca berlakunya pelbagai masalah dalam pengurusan kokurikulum. Guru-guru juga tidak menunjukkan minat dalam program-program atau kegiatan-kegiatan kokurikulum. (Mahfol, 1999) Kenyataan ini disokong oleh Oardin Ashaari, 1998; Robiah Sidin, 1998; Wee Eng Hoe, 1996; Abdul Halim, 2005; BPPDP, (2008) bahawa sebahagian guru-guru yang mengendalikan program dan aktiviti kokurikulum yang kurang dari segi kemahiran, kecekapan, pengalaman, kefahaman dan tidak memberi sambutan terhadap matlamat dan objektif dalam dasar pendidikan kokurikulum.

Masalah Pengurusan

Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Setiausaha Kokurikulum dan Penyelaras Kokurikulum sebenarnya adalah jawatan utama berkaitan pelaksanaan pengurusan kokurikulum dan bertanggungjawab dalam perancangan, pengelolaan, penilaian, pemantauan, pelaporan dan pengiktirafan (BSSK 2011).

Perancangan merupakan perkara yang penting dalam mengurus kokurikulum di sekolah. Sekiranya pengurus kokurikulum tidak dapat menjalankan peranan ini dengan baik, akan menyebabkan timbul beberapa masalah kepada pihak yang melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah (Wee, 1997; Faridah Karim, 1985).

Apakah sebenarnya senario ini adalah disebabkan aspek keselamatan diabaikan oleh pihak yang bertanggungjawab boleh dipertikaikan? Apakah mereka telah dididik dengan SOP berkaitan dengan aktiviti di luar bilik darjah dan berisiko? Apakah dapat dikenal pasti keperluan SOP dan penyelesaian yang lebih afektif dapat dicadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amnya dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) khususnya bagi meningkatkan kualiti pengurusan keselamatan bermula dari aspek pengetahuan, kemahiran dan amalan terbaik kepada bakal pendidik di alam kerjaya kelak. Oleh hal yang demikian, garis panduan dan prosedur kerja yang sempurna diharap dapat mengurangkan asbab musibah tersebut daripada berlaku.

Isu-isu kemalangan terutama berkaitan dengan murid sekolah, pelajar di institut pengajian tinggi, guru, pensyarah semasa beraktiviti di luar bilik darjah atau aktiviti berbentuk pendidikan luar yang berisiko adalah yang menjadi satu tragedi yang diterima sebagai kemalangan. Kejadian sebegini sememangnya banyak berlaku dan melibatkan aspek keselamatan. Senario ini memperlihatkan kesedaran tentang keperluan pengetahuan dan kepentingan SOP terhadap aktiviti serupa ini terutama bagi mereka yang terlibat secara langsung mengendali aktiviti-aktiviti ini masih boleh dipertikaikan. Apakah mereka telah dididik dengan SOP berkaitan dengan aktiviti di luar bilik darjah dan kokurikulum? Apakah dapat dikenalpasti keperluan SOP dan penyelesaian yang lebih afektif dapat dicadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amnya dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) khususnya bagi meningkatkan kualiti pengetahuan dan amalan bakal pendidik di alam kerjaya kelak.

Masalah Tiada Garis Panduan dan Latihan

Peranan kokurikulum sebagai sebahagian daripada proses pendidikan mengelirukan dalam kalangan pendidik menjadi salah satu faktor yang menyebabkan pelaksanaannya di sekolah-sekolah kurang memberangsangkan. Ramlan Abdul Wahab (2004) mendapati, dasar dan prinsip kokurikulum itu tidak difahami dan dihayati sepenuhnya dalam konteks pendidikan dan pembangunan kemanusiaan yang menyeluruh dan berterusan demi melahirkan murid-murid yang mewarisi dan menghayati ciri insan seimbang dan cemerlang serta sanggup memberi sumbangan dalam usaha memajukan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara seperti yang termaktub dalam FPK dan Dasar Kebangsaan. Permasalahan ini amat membimbangkan sekiranya pihak pengurus sekolah tidak mengambil tindakan yang sewajarnya dalam mengurus guru bagi memberikan mereka latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam program kokurikulum, pengurusan dan pengendaliannya di sekolah. Ini selari dengan dapatan Ismail Ibrahim (2007) yang mendapati amalan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru di sekolah berada pada tahap yang rendah. Kebanyakan guru kurang cekap menyediakan panduan kokurikulum kepada murid, menyediakan rancangan peningkatan prestasi kokurikulum lima tahun dan membuat analisis SWOT dalam kegiatan kokurikulum.

■3.0 OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- 3.1 Menenalpasti tahap pengetahuan, kompetensi dan amalan keselamatan aktiviti luar dan berisiko dalam kalangan pentadbir dan pelaksana.
- 3.2 Menenalpasti amalan dan implimentasi factor keselamatan semasa aktiviti luar dan berisiko.

■4.0 METODOLOGI

Data primer digunakan dalam kajian ini iaitu melibatkan soal selidik dan soalan terbuka secara atas talian (*online survey*). Metodologi yang digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif bertujuan untuk mendapatkan maklumat terus daripada responden iaitu pengurus/pentadbir dan pelaksana bagi peringkat pertama kajian untuk memperoleh maklumat awal sebagai objektif utama kajian ini iaitu mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan kompetensi serta amalan dan implimentasinya dalam kalangan pentadbir dan pelaksana aktiviti luar dan berisiko.


Sample Kajian

Responden kajian adalah dipilih dalam kalangan peserta Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) di Institut Aminudin Baki Zon Utara, ketua jabatan, ketua unit, ketua jurulatih dan jurulatih kokurikulum negeri dan semua jurulatih kokurikulum Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) secara rawak.

Instrumen Kajian

Kajian primer adalah untuk mendapatkan data berkaitan komitmen keselamatan dalam kalangan pentadbir dan pelaksana dari aspek tahap pengetahuan, kompetensi dan amalan keselamatan aktiviti luar dan berisiko. Kajian ini menggunakan soal selidik dan soalan terbuka secara

online. Soal selidik ini bertujuan untuk mengumpul maklumat berbentuk data awal yang berkaitan dengan pengetahuan, kefahaman dan amalan-amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berdasarkan Teori Penyebab Insiden-Kemalangan Dan Petersen (1982). Rajah 2 menunjukkan model Insiden-Kemalangan diadaptasi dari Dan Petersen (1982).



Rajah 2 Model Insiden –Kemalangan Dan Petersen (1982)

Model ini telah diterbitkan oleh Dan Petersen pada tahun 1982 yang mengusulkan empat faktor penyebab kemalangan iaitu lebih beban (*Overload*), keputusan tidak tepat (*Decision for Error*), isu ergonomic (*Ergonomic Traps*), dan kegagalan system (*System Failure*). Jika seseorang itu mengalami tekanan kerja apabila beban tugas kerja mengatasi keupayaan terhad mental dan fizikalnya akan menyebabkan kurang fokus dan akan membuat kesilapan sama ada disedari atau tidak dalam membuat keputusan, anggapan salah tentang sesuatu hazard, kawalan tidak bersesuaian dengan hazard yang dikenal pasti, akan menyebabkan sesuatu tindakan itu tersasar. Keadaan ini disebabkan oleh kegagalan beberapa faktor lain seperti peralatan yang tidak diperiksa dengan teliti, tempat yang tidak dibuat tinjauan atau cuaca yang tidak dijangka. Dalam model kemalangan Petersen ini, kegagalan sistem merupakan faktor penyumbang kepada ketiga-tiga faktor penyebab kemalangan ini. Ianya berkaitan dengan tindakan atau pendekatan pihak pengurusan yang tidak memenuhi keperluan standard praktis KKP seperti;

- Tidak membina polisi KKP
- Autoriti dan akauntabiliti pengurusan tidak jelas
- Latihan tidak mencukupi
- Prosedur sistem kerja tidak selamat diberi perhatian atau diabaikan
- Masalah atau kebajikan pekerja tidak diambil berat oleh majikan

Bersandarkan teori ini, pengkaji telah membina soal selidik untuk tinjauan mudah untuk mendapatkan maklum balas daripada responden yang dipilih secara rawak. Soal Selidik ini ditadbir kepada kumpulan pengurusan dan pelaksana semasa menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan mengikut bidang tugas sedia ada. Soalan kaji selidik ini dibahagikan kepada lima (5) bahagian:

- Bahagian A : Kriteria Sosio-Demografi
- Bahagian B : Latar Belakang Organisasi
- Bahagian C: Komitmen dan Amalan Keselamatan Aktiviti Luar dan Berisiko
- Bahagian D: Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
- Bahagian E: Kesimpulan dan Cadangan adalah umum (soalan terbuka).

Data yang diperolehi digunakan bagi tujuan menyokong cadangan membangunkan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Aktiviti Luar dan Berisiko dalam bidang pendidikan.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara atas talian bermula dengan menghantar soal selidik dan soalan terbuka ini melalui email kepada responden dalam kalangan pentadbir dan pelaksana yang dipilih secara rawak di seluruh negara. Peserta Program Kelayakan Profesional Keperguruan Kebangsaan (NPQEL) di Institut Aminudin Baki (IAB) cawangan utara, jurulatih kokurikulum sekolah, daerah dan negeri serta jurulatih kokurikulum di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang terlibat sebanyak 166 email responden. Namun begitu setelah hampir 3 bulan hanya 35 responden yang memberi maklumbalas dan tidak secara langsung terlibat di dalam kajian tinjauan mudah untuk mendapatkan data primer ini.

Kriteria Sosio-Demografi

Maklumbalas daripada 35 responses dikenalpasti adalah individu yang mempunyai pengalaman dan di dalam bidang yang dikaji. Bilangan responses seimbang antara lelaki dan wanita dan mempunyai kelayakan akademik dan pengkhususan di dalam bidang berkaitan dengan aktiviti luar dan berisiko. Kebanyakan responses pastinya mempunyai pengalaman dan terlibat secara langsung dengan aktiviti luar dan berisiko berdasarkan catatan jumlah bilangan berkaitan umur, kelayakan akademik dan pengkhususan menunjukkan responses adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai kemahiran yang tinggi, seperti di dalam jadual 2 berikut.

Jadual 2 Kriteria sosio-demografi

Item	35 R	
	N	%
Jantina		
Lelaki	18	51.4
Perempuan	17	48.6
Umur		
Lebih 56 tahun	3	8.6
46-55 tahun	20	57.1
36-45 tahun	10	28.6
26-35 tahun	2	5.7
Kelayakan Akademik		
Ijazah Kedoktoran	1	2.9
Ijazah Sarjana	27	77.1
Ijazah Sarjana Muda	6	17.1
Diploma	1	2.9
Kelayakan Pengkhususan		
PJK	18	51.4
Jurulatih PL	8	22.9
Penyelamat Kelemasan	4	11.4
Instruktur	9	25.7
Fasilitator	15	42.9

Latar Belakang Organisasi

Berpandukan maklum balas daripada dapatan berkaitan latar belakang organisasi ini menunjukkan taburan jumlah responden yang dipilih secara rawak menepati kehendak penyelidik yang merangkumi pihak pentadbir dan pelaksana di peringkat tertinggi sehingga di sekolah-sekolah, taburan jawatan, pengalaman dan tempoh pengalaman dalam bidang ini juga sekata seperti di Jadual di atas. Pengalaman responses menunjukkan dalam kalangan mereka mempunyai pengalaman sebagai pentadbir dan pelaksana bagi aktiviti luar dan berisiko. Tempoh bertugas juga memberi gambaran bahawa dalam kalangan responden ini mempunyai banyak pengalaman mengurus dan melaksanakan aktiviti ini. Jadual 3 pula adalah statistik latar belakang mengikut organisasi. Manakala Jadual 4 menunjukkan komitmen dan amalan keselamatan aktiviti luar dan berisiko.

Jadual 3 Latar belakang organisasi

Item	35 R	
	N	%
Kementerian Pendidikan		
Bahagian	1	2.9
IPG/IPGM	25	71.4
Sekolah	9	25.7
Jawatan		
Ketua Bahagian	1	2.9
Ketua Jabatan	6	17.1
Ketua Unit	8	22.9
Jurulatih	14	40.0
Fasilitator	6	17.1
Pengalaman		
Pengurusan	5	14.3
Pelaksana	8	22.9
Pengurusan dan Pelaksana	22	62.9
Tempoh		
21-30 tahun	6	17.1
16-20 tahun	6	17.1
11-15 tahun	6	17.1
05-10 tahun	10	28.6
Kurang daripada 5 tahun	7	20.0

Komitmen dan Amalan Keselamatan Aktiviti Luar dan Berisiko

Jadual 4 Komitmen dan amalan keselamatan aktiviti luar dan berisiko

ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
S9	60%	25.7%	2.9%	8.6%	2.9%
S10	-	-	-	11.4%	88.6%
S11	62.9%	34.3%	2.9%	-	-
S12	-	-	-	17.1%	82.9%
S13	-	-	-	17.1%	82.9%
S14	-	-	-	11.4%	88.6%
S15	-	-	8.6%	42.9%	48.6%
S16	-	-	-	14.3%	85.7%
S17	-	-	-	11.4%	88.6%
S18	-	-	-	20%	80%
S19	88.6%	5.7%	2.9%	2.9%	-
S20	8.6%	-	14.3%	40%	37.1%
S21	-	-	5.7%	25.7%	68.6%
S22	-	-	-	11.4%	88.6%
S23	-	-	2.9%	40%	57.1%
S24	-	-	-	8.8%	91.2%
S25	-	-	-	14.3%	85.7%
S26	57.1%	25.7%	11.4%	5.7%	-
S27	-	-	2.9%	28.6%	68.6%
S28	-	-	-	50%	50%
S29	-	-	-	48.6%	51.4%
S30	-	-	5.7%	40%	54.3%

Komitmen dan amalan keselamatan dalam kalangan pentadbir dan pelaksana mencatatkan taburan jumlah peratusan yang agak memberangsangkan. S9, S11, S19 dan S26 merupakan soalan yang memerlukan responses memberi maklumbalas tentang keadaan yang membahayakan tetapi memberi rangsangan yang negative iaitu 'tidak bimbang terhadap kewujudan sesuatu yang membahayakan dan berisiko di lokasi aktiviti' mencatatkan 60% sangat tidak setuju dan 25.7% tidak setuju, manakala S11 pula mencatatkan 62.9% sangat tidak setuju dan 34.3% tidak setuju bagi soalan mengenai 'kemalangan yang hampir berlaku tidak penting untuk direkodkan', 'usaha memahami segala peraturan adalah membuang masa bagi S19 dan S26 mengenai 'tidak rasa bersalah untuk mengambil jalan pintas semasa menyelesaikan tugas'. Ini menggambarkan responses mempunyai komitmen keselamatan yang amat tinggi.

Keprihatinan terhadap peraturan keselamatan S10, mencatatkan kesemua responses memberi komitmen yang padu. Begitu juga komitmen untuk mempertimbangkan segala risiko S13, beraktiviti di dalam suasana selamat sangat penting S14, S16 berusaha bersungguh-sungguh mencapai matlamat keselamatan S16, mencatatkan komitmen yang positif. Bagi soalan S17 sehingga 25 semua berkaitan komitmen keselamatan adalah positif bagi semua responses.

Amalan keselamatan S27 sehingga 30 pula mencatatkan semua responses sentiasa bersedia melibatkan diri dalam aktiviti dan amalan keselamatan organisasi, sentiasa berminat untuk terlibat dalam perancangan dan latihan, berminat melibatkan diri dalam kaji semula dan penambahbaikan segala peraturan keselamatan aktiviti luar dan berisiko serta berminat terlibat dalam kursus, bengkel dan latihan berkaitan keselamatan.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

Berkaitan kesedaran dan kewujudan Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di negara kita menunjukkan semua responses memberi maklum balas dengan penuh integriti berkaitan kesedaran keselamatan yang sepatutnya menjadi amalan dalam melaksanakan tugas seperti yang terdapat pada Jadual 5. Dapatan kajian awal jelas menunjukkan kebanyakan responses mempunyai kesedaran tentang kewujudan KKP tetapi memberi maklum balas di pihak pengurusan kurang mengambil berat dan pengurusan keselamatan kurang dititikberatkan berdasarkan catatan peratusan yang sedikit berkaitan organisasi membangunkan KKP mencatatkan peratusan yang tinggi S37 iaitu Tidak 31.3% dan Tidak Pasti 34.4%. walau pun organisasi sedar akan kewujudan KKP bagi S38 mencatatkan sebanyak 52.9% meskipun kesedaran tentang risiko dalam pekerjaan S35 (94.3%), S42 (100%) melaporkan bahaya yang berkemungkinan berlaku dan S43 (97.1%) tahu untuk bertindak di dalam keadaan kecemasan, mencatatkan jumlah peratusan yang tinggi.

Tahap pengetahuan S39 dan S40 mencatatkan peratusannya yang memuaskan. Namun begitu amalan keselamatan berkaitan KKP memberi peratusan terarah kepada pengurusan yang tidak begitu menitikberatkan amalan keselamatan di dalam organisasi yang tidak menyeluruh (S36, S37 dan S38). Jika diberi peluang latihan dan kursus berkaitan KKP, responses memberi komitmen yang sangat memberangsangkan.

Jadual 5 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

Soalan	Ya	Tidak	Tidak Pasti
S31	54.3%	34.3%	11.4%
S32	80%	11.4%	8.6%
S33	37.1%	54.3%	8.6%
S34	57.1%	17.1%	25.7%
S35	94.3%	-	5.7%
S36	54.3%	22.9%	22.9%
S37	34.4%	31.3%	34.4%
S38	52.9%	8.8%	38.2%
S39	78.8%	9.1%	12.1%
S40	29.4%	64.7%	5.9%
S41	17.1%	51.4%	31.4%
S42	100%	-	-
S43	97.1%	-	2.9%

Isu dan Cadangan

Melalui soalan terbuka responses telah memberi idea berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan harapan berkaitan isu pengurusan keselamatan aktiviti luar dan berisiko. Dapatan dari maklum balas responses adalah seperti jadual 6 berikut;

Jadual 6 Isu dan cadangan

R1:	Perlunya pengetahuan mengurus risiko apabila berlaku perkara yang tidak diingini.
R2:	Program kesedaran amat perlu dibangunkan di semua institusi pendidikan berluma daripada pihak pengurusan, pelaksana mahupun peserta bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini terus-terusan berlaku tanpa ada kesedaran dan tindakan wajar yang diambil sebelum, semasa dan juga selepas sesuatu aktiviti dijalankan. Betulkan yang biasa, biasakan yang betul. Terima kasih. :-)
R3:	Perlu disebarluas aspek Keselamatan ini dalam kalangan pendidik terutama yang berkaitan dengan pendidikan luar dan seumpamanya. Boleh bekerjasama dengan Agensi-agensi kerajaan lain seperti pihak NIOSH ataupun CIAST untuk pengiktirafan dan persijilan kepakaran.
R4:	Pembinaan model KKP yang lengkap dan boleh digunakan di IPG untuk melaksanakan aktiviti luar yang berisiko.
R7:	Perlunya diadakan kajian seperti ini bagi mengurangkan risiko kemalangan
R9:	Perlu ada SOP dalam setiap aktiviti dan dikuatkuasakan. Kursus KKP dan pendedahan kkp perlu diwujudkan secara berkala agar tidak alpa.
R10:	Masih ramai yang memandang ringan isu keselamatan aktiviti luar perlu di sebarluas untuk keperluan diri dan organisasi. Pendedahan menyeluruh yang maksimum agar dapat membantu perjalanan aktiviti dengan lancar dan selamat.
R11:	Bagi seorang jurulatih pendidikan luar atau jurulatih kokurikulum perlulah mempunyai sijil -sijil yang berkaitan dengan prosedur tugas demi keselamatan pelatih mereka. Sijil khas untuk jurulatih air juga sangat perlu bagi jurulatih kokurikulum IPGK kerana Program BIna Insan Guru melibatkan aktiviti air seperti berakit dan berkayak , serta keyakinan air. Bukan semua pensyarah jurulatih mempunyai sijil.
R17:	Pendidikan keselamatan perlu diterapkan dalam kurikulum sekolah sebagai langkah memberi pendidikan keselamatan dalam segala bentuk aktiviti dan kehidupan seharian
R19:	Semua pekerja patut diberi kursus/taklimat berkala mengenai peranan/tamggung jawab mengenai risiko bidang kerja masing-masing
R20:	Jadikan sebagai satu syarat utama untuk Lulus ujian atau kursus yang berkaitan dengan keselamatan di tempat kerja masing-masing.
R21:	Pertingkatkan isuisu keselamatan semasa di tempat kerja serta pendedahan oleh majikan kepada pekerja-pekerja berkaitan isu keselamatan semasa di tempat kerja... tidak pernah di ambil berat oleh majikan...
R22:	Setiap pekerja perlu kesedaran terhadap keselamatan aktiviti luar
R23:	Penekanan dan tindakan susulan dari segi pemantauan dan peruntukan untuk membaik pulih, menambah dan membina fasarana keselamatan perlu diberi perhatian yang lalebih lain bukan sekadar menyediakannya pada peringkat asas pelaksanaan tetapi tindak ikut tidak buat dengan sewajarnya.
R24:	Idea utama sememangnya keperluan keselamatan diri individu dan kumpulan sasar sangat diperlukan untuk rawatan awal mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku, kata orang malang tidak berbau dan sediakan payung sebelum hujan serta berjaga awal sebelum terkena.
R25:	Aspek keselamatan perlu didedahkan kepada penganjur dan pelaksana aktiviti secara rutin dan berjadual supaya ia menjadi satu ingatan dan amalan yang wajib dipatuhi .
R27:	Pastikan setiap warga sekolah atau jabatan tahu sop langkah-langkah menjaga keselamatan dan cara mengambil tindakan jika berlaku sesuatu kemalangan.
R26:	Pihak pengurusan sewajarnya memastikan keadaan tempat kerja adalah selamat bagi semua staf.
R30:	Sebelum aktiviti luar dan berisiko diadakan setiap pihak perlu membuat kajian terlebih dahulu.
R32:	Sesuatu aktiviti luar yang berisiko haruslah mendapat persetujuan daripada pelbagai pihak agar pihak penganjur tidak dipersalahkan.

Isu dan cadangan yang diberikan oleh responses menunjukkan satu fenomena yang positif bahawa SOP sedia ada perlu dimantapkan dengan melihat kepada maklum balas dari soal selidik yang telah responses catatkan. Kesedaran tentang keselamatan dan keperluan latihan

dan bengkel seumpamanya memang dituntut oleh pelaksana dan ini memberi kesedaran kepada pentadbir bahawa usaha ke arah memantapkan SOP sedia ada perlu dipertingkatkan.

■6.0 PERBINCANGAN

Impak yang boleh dicapai hasil daripada aktiviti luar dan berisiko memberi kesan kepada individu samada positif dan membina atau sebaliknya. Pelan tindak balas kecemasan perlu dihasilkan untuk bertindak balas apabila berlakunya kecemasan, iaitu satu sistem pengurusan risiko yang perlu dikemas kini melalui dokumen bertulis sebagai manual atau garis panduan. SOP sedia ada perlu dimantapkan dengan menambah Pengurusan Amalan Keselamatan standard terutamanya untuk aktiviti luar dan berisiko.

Terdapat peningkatan kesedaran pihak majikan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja pada ketika ini. Menurut Rognås, Hansen, Kirkegaard, & Tønnesen (2013), demi memastikan pekerja berada dalam keadaan sihat dan selamat ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan dan ketika berada di tempat kerja, pelbagai usaha telah dilakukan.

Manual amalan keselamatan yang jelas adalah sebagai penentu yang menetapkan kriteria *SOP* yang diguna pakai melalui pengurusan amalan keselamatan yang efisien dan standard. Amalan keselamatan perlu dididik pada setiap peringkat, samada sebagai pentadbir, pelaksana atau peserta kepada aktiviti serupa ini. Kajian menyeluruh tentang pengurusan risiko proses pelaksanaan aktiviti luar dan berisiko dalam organisasi pendidikan di Malaysia perlu dimantapkan.

■7.0 RUMUSAN

SOP sedia ada perlu dimurnikan dan dilaksanakan di setiap peringkat dalam sektor pendidikan, amalan “Betulkan yang biasa dan biasakan yang betul” boleh dimulakan dengan membuat transformasi kepada sistem pengurusan amalan keselamatan untuk mengurangkan dan mengelakkan insiden yang tidak dijangkakan. Menurut *Dan Petersen* (1997), untuk mengubah budaya, anda perlu mulakan dengan berhati-hati menilai perkara-perkara tertentu.

Sistem pengurusan keselamatan aktiviti sangat penting untuk dijadikan salah satu elemen yang perlu dimasukkan ke dalam kursus wajib pengajian di IPGM supaya bakal pendidik telah disediakan dengan prosedur keselamatan yang telah digariskan secara standard. Sejalan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan transformasi pendidikan yang menyeluruh berkaitan dasar-dasar pendidikan negara secara total, tibalah masanya untuk melihat dan meneliti semula garis panduan keselamatan terutama untuk aktiviti luar dan berisiko di buat secara sistematik dan efisien. Keperluan ini perlu diteliti untuk memastikan aset negara dibangunkan dengan mengikut kehendak dan hasrat system pendidikan di Malaysia.

Rujukan

- Ab. Alim Abd. Rahim, (1994). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan Kokurikulum dan Badan Beruniform*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ab. Rahim, Kamarolzman, Hazrimah dan Hazrita (2012). *Sekolah Berprestasi Tinggi: Satu Transformasi*. Penerbit UTHM: Batu Pahat, Johor.
- Abdul Halim Abdul Malek (2005). *Faktor-faktor Penghalang Pengurusan kokurikulum di Sebuah Sekolah Menengah Melaka*. Tesis Sarjana. Institut Kepengetuan, Universiti Malaya.
- Akta KKP. (2013). *Akta Keselamatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994*. (Akta 514). Kuala Lumpur. MDC Publishers
- Akta Pendidikan 1996.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM (2008). *Kajian Pengurusan Gerak Kerja Badan Beruniform di Sekolah di Malaysia*.
- Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum (BSSK), KPM (2009). *Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: A.G Grafik, Sdn. Bhd.
- Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum (2011). *Buku Panduan Pelaksanaan Satu Murid Satu Sukan (1M1S)*. Kuala Lumpur.
- Bird, F.E. & Germain, G.L. (1986). *Practical Loss Control Leadership*. Loganville, Georgia: International Loss Control Institute.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). *Buku Panduan Pengurusan Gerakkerja Kokurikulum Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). *Dokumen Undang-undang, Tatacara Dan Kaedah Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Laporan Bahagian sekolah, 1991.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1986.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1988.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1995.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1995.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1991
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Peraturan-Peraturan Sekolah 1956.
- Kenneth, G.T; Edward, F. V.; Authur, A. E; Betty Foster McCue (1996). *The Administration of Physical Education, Sport, and Leisure Programs (6th) Edition*. Massachussts: A Simon & Schuster Company.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979. *Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahfol Basiron (1999). *Tinjauan Pengurusan Dan Pengelolaan Kokurikulum Sukan Dan Permainan Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan*. Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omardin Ashaari, (1998). *Pengurusan Sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengurusan Sekolah: Satu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Petersen, D. (1978). *Techniques of Safety Management*. 2nd Edition. New York: Mc Graw-Hill.
- Petersen, D. (1982). *Human Error Reduction and Safety Management*. Garland STPM Press.
- Robiah Sidin. (1998). *Asas Pentadbiran Pendidikan*. Edisi Kedua. Petaling Jaya: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.

Stephen, G. M, Dan Petersen: (1997). Why Safety Is a. <https://www.scribd.com/document/127538340/Dan-Petersen>

Wee Eng Hoe (1997). *Organisasi dan Pentadbiran Sukan dan Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.

Yusof Omar (2017). *Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan: Hazard, Risiko, Insiden*. Senang Terbit PLT.